

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 13 OKTOBER 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1011953/ekasih-perlu-distruktur-semula-mudahkan-saluran-bantuan>

### eKasih perlu distruktur semula, mudahkan saluran bantuan



Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN) Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika berucap pada majlis perasmian Seminar Kebangsaan: Pemulihan Negara dan Keterangkuman Sosial di Putrajaya, hari ini. - Foto NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

PUTRAJAYA: Majlis Pemulihan Negara (MPN) berpendapat sistem pangkalan data eKasih sudah terlalu lama dan perlu distruktur semula supaya tiada lagi individu tercicir daripada menerima bantuan.

Pengerusi MPN, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata pihaknya mencadangkan sebuah sistem bersepadu dibangunkan bagi memudah cara proses penyaluran bantuan yang lebih menyeluruh serta berpusat.

Katanya, kini hampir semua agensi dan kementerian menyediakan bantuan, namun masih ada individu atau kelompok tertinggal atau tercicir daripada mendapatkan bantuan.

"Sistem eKasih ini tidak cukup kemas. Jika di Australia, saya diberitahu mereka ada juga sistem seumpama ini, namun berbeza. Di sana, sekiranya seseorang itu sudah jatuh miskin atau dibuang kerja, automatik sistem itu akan memaklumkan dengan segera terdapat individu memerlukan bantuan dan dia akan dapat bantuan dengan segera.

"Namun, kalau (sistem) kita, selagi tak sampai ke mana-mana jabatan, entah berapa lama lagi kena tunggu (untuk dapatkan bantuan) dan mungkin bantuan diterima selepas setahun," katanya pada sidang media selepas merasmikan Seminar Kebangsaan: Pemulihan Negara dan Keterangkuman Sosial, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Sekretariat MPN, Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Masa Depan Malaysia (MASA), Azril Mohd Amin.

Mengulas lanjut, Muhyiddin, yang juga Pengurus MASA berkata, dengan mengintegrasikan data penerima yang layak, semua agensi dapat menggunakan satu sistem yang sama, yang membolehkan bantuan atau subsidi diagihkan secara telus dan cekap, mengurangkan kerentan birokrasi dalam penyampaian bantuan, sekali gus mengoptimumkan penggunaan kewangan negara.

Tambahnya lagi, perkara itu wajar diberi penekanan kerana susulan pandemik COVID-19, jumlah miskin tegar meningkat dengan mendadak.

Tegas Muhyiddin, menurut data eKasih sehingga 30 Jun 2022, ketua isi rumah (KIR) yang dikategorikan sebagai miskin tegar meningkat kepada hampir 145,000 berbanding hanya 45,000 pada 2020.

Lebih membimbangkan, katanya, sekitar 600,000 isi rumah M40 jatuh ke dalam kategori miskin, yang menyumbang kepada peningkatan golongan B40 kepada B60 pasca pandemik COVID-19.

"Peningkatan ketara ini mencerminkan realiti sebenar yang sedang dihadapi oleh rakyat secara keseluruhannya. Ramai yang masih terpaksa berdepan situasi sukar akibat kenaikan harga barang, peningkatan kos sara hidup, kehilangan pekerjaan atau penyeputan dalam pendapatan.

"Jika tiada langkah intervensi segera dan serius diambil oleh agensi dan pihak berkaitan, saya khawatir masalah ini akan menjadi semakin meruncing dan parah sehingga tidak dapat diselamatkan lagi. Yang miskin menjadi papa kedana, perniagaan terpaksa ditutup, produktiviti akan merosot dan akhirnya merencatkan proses pemulihan negara," katanya.

Sementara itu, ahli panel, Profesor Kehormat Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Prof Datuk Dr Medaline Berna, dalam pembentangannya berkata, jurang antara Sarawak dan Sabah jika dibandingkan dengan Semenanjung sangat luas dan pelbagai aspek perlu dititikberatkan sebelum negara mampu pulih sepenuhnya.

Beliau berkata, kebanyakan penduduk setempat tidak mendapat akses kepada penjagaan kesihatan berkualiti akibat daripada situasi klinik yang tidak lengkap, selain kos pengangkutan yang sangat mahal berikutan kedudukan hospital yang jauh dari kediaman.

Beliau juga menyentuh isu jurang pendidikan dan kemiskinan yang semakin meruncing akibat daripada pandemik COVID-19.

"Sebelum COVID-19, mereka sudah sedia kala miskin sehingga tidak mampu untuk belajar dan mempunyai tempat tinggal yang selesa.

"Kini, pasca COVID-19, masalah ini seamkin meruncing kerana pendapatan mereka tidak bertambah dan kos sara hidup semakin tinggi," katanya.

Timbalan Rektor Bahagian Hal Ehwal Akademik, Universiti Teknologi MARA (Sabah), Dr Firdaus Suffian, berkata meskipun Sabah menyumbang kepada 46.7 peratus daripada pengeluaran minyak sawit negara dan 42 peratus daripada petroleum, Negeri Di Bawah Bayu itu masih tersepit dalam kancang kemiskinan.

"Jika dilihat, 25 peratus atau satu daripada empat penduduk tempatan hidup dalam kemiskinan. Jurang pendapatan antara kaya dan miskin, terutama di Sabah sangat luas sehingga menyebabkan ketidaksamarataan yang terlalu ketara.

"Perkara ini perlu diperbetulkan dengan segera seperti yang digariskan di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030," katanya.

Seminar itu menyaksikan pembentangan 12 penyelidik yang menjalankan kajian penyelidikan di bawah Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP), yang menjalankan kajian dalam pelbagai bidang berkaitan ekonomi dan sosial, khususnya bagi membantu langkah pemulihan negara.

Mereka adalah sebahagian daripada 30 penyelidik daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) yang berjaya menerima geran MPDP untuk menjalankan kajian dalam pelbagai bidang berkaitan ekonomi dan sosial, khususnya bagi membantu langkah pemulihan negara.

Skop kajian antara lain merangkumi isu kemiskinan, pemerkasaan golongan rentan, meningkatkan daya tahan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS), pemulihan sektor pelancongan dan kelestarian ekonomi hijau.